

**NO. SOALAN: 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[ PENAMPANG ]**

**TARIKH : 23 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9020**

**SOALAN:**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan Pusat sedia untuk memberi balik hak Kerajaan Sabah untuk mendaftarkan dan mengeluarkan Kad-Pengenalan Sabah dan Sijil Lahir kepada warga Sabah.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Adalah dimaklumkan bahawa pendaftaran kelahiran di negeri Sabah adalah di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah CAP 123), manakala pengeluaran kad pengenalan pula adalah di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959. Di bawah kedua-dua Ordinan dan Akta ini menjelaskan bahawa Menteri Dalam Negeri bertanggungjawab menjalankan pemakaian peruntukan-peruntukan di bawahnya dan selepas pembentukan Malaysia telah dipersetujui jualah agar keduanya diletakkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.**